



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**29 APRIL 2019 (ISNIN)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Berita Harian</b>	
- Penduduk Bimbang Flet Lama Rosak, Retak	8
- KPKT , Selangor Bincang Status	
<b>News Strait Times</b>	
- `Bleak Raya' For Dwellers	2
- Ministry May Rebuild Flats	3
<b>Sinar Harian</b>	
- Mangsa Resah Mohon Masalah Diselesaikan segera	24
- Pndah Lokasi Baru	
- Penduduk Patuhi Arahan Pindah	
<b>Kosmo</b>	
- Harap dapat sambut Ramadhan di rumah	15
- Baik Pulih, Bina Semula Flat Lama	
<b>Utusan Malaysia</b>	
- Baik pulih atau bina semula flat lebih 30 tahun	1&2
<b>Harian Metro</b>	
- KPKT kerajaan negeri bincang	20
- Saya Tiada tempat Lain	21
- Masih dalam Fasa Penilaian	



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 APRIL 2019 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	-Penduduk Bimbang Flet Lama Rosak, Retak -KPKT, Selangor Bincang Status
Muka Surat	8

**Ms.8**

**Isnin, 29 April 2019 BH**  
(FOTO FAIZ ANUAR /BH)

**ISU**

**FLET CONDONG**

## Penduduk bimbang flet lama rosak, retak

RH 29/4/2019 MS 8

➔ Kediaman diduduki lebih 30 tahun alami pelbagai masalah

**Oleh Norzamira Che Noh**  
bnnews@bh.com.my

➔ **Shah Alam**

**K**ejadian flet retak di Taman Keramat Permai, Kuala Lumpur kelmarin turut menimbulkan rasa resah penghuni di kediaman jenis sama yang lama di bandar raya ini.

Beberapa flet di bandar raya ini khususnya di kawasan pinggir bandar kebanyakannya sudah berusia lebih 20 tahun malah ada yang sudah hampir 40 tahun.

Flet lama di kawasan pinggir Shah Alam boleh dilihat di Seksyen 24, Seksyen 28, Seksyen 18 dan beberapa lagi kawasan di bandar raya ini.

**Tiada tempat mengadu**  
 Pengerusi Perbadanan Pengurusan Anggerik 24, Pangsapuri PKNS, Seksyen 24, Abdul Karim Kanun, 58, berkata beliau menatap di flet itu sejak 30 tahun lalu dan menurutnya pangsapuri berkenaan sudah berusia kira-kira 35 tahun.

"Apabila flet lama, memang banyak masalah seperti keretakan, kebocoran bumbung dan menda-



**Abdul Karim** menunjuk rekahan dan kerosakan di Pangsapuri PKNS Seksyen 24, Shah Alam, semalam.

**Bimbang retakan, mendapan makin teruk**  
 "Kami mengharapkan agar ada pihak yang boleh mengambil tindakan atau membantu kami untuk membaiki flet malahan kami berharap agar kejadian di Kuala Lumpur itu tidak berlaku di sini," katanya.

Penduduk, Fatimah Zakaria, 54, berkata keretakan sudah lama berlaku bagaimanapun belum di tahap membahayakan.

"Keretakan mungkin disebabkan oleh akar pokok yang semakin membesar berdekatan bangunan flet dan seharusnya pokok berkayu tidak boleh ditanam berdekatan kawasan rumah.

"Mendapan juga semakin jelas kelihatan dari tahun ke tahun dan kalau diberi pilihan kami mahu pindah dari sini tapi ini rumah kami, mana lagi kami mahu pergi?" katanya.

**Shah Alam:** Penghuni Blok F, Flet Taman Keramat Permai yang retak sejak Jumaat lalu, hanya dibenarkan masuk mengambil barang dan tidak boleh tidur di kediaman masing-masing.

Ketua Pengurusan Bencana Selangor, Ahmad Fairuz Mohd Yusof, berkata ketika ini semua 222 penghuni daripada 37 keluarga yang terlibat sudah berpindah keluar dan ditempatkan di pusat pemindahan sementara.

Ditanya sama ada pemeriksaan akan dilakukan terhadap 11 blok lain di Taman Keramat Permai, Ahmad Fairuz berkata, perkara itu akan dilakukan selepas selesai isi di Blok F.

Sementara itu, penghuni blok F flet itu yang terpaksa keluar dari rumah berdepan sedikit kesulitan dalam menguruskan persekolahan anak hari ini kerana masih perlu tinggal di pusat pemindahan sementara.

Nasri Abd Raif, 49, berkata segala kelengkapan sekolah ada di rumah selain kemudahan ter-

had di pusat pemindahan sementara di Dewan Amal Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat, menyukarkan mereka untuk membuat persediaan.

"Memang sedikit sukar untuk menguruskan perolehan anak saya yang belajar di tahun empat Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Keramat 1.

"Biarpun dalam kumpulan WhatsApp pihak sekolah memberi kelonggaran untuk memakai pakaian biasa namun, persiapan lain seperti menyusun buku mengikut jadual agak sukar.

Norazam Baba, 45, yang mempunyai dua anak bersekolah berharap mereka dapat pulang ke rumah dalam masa terdekat.

Katanya, dia berkemungkinan akan memberikan salah seorang anaknya yang bersekolah di tahun empat cuti rehat beberapa hari sehingga keadaan kembali reda.

"Saya memang sudah berada di pusat pemindahan sementara ini sejak 26 April lalu.

**Tunggu keputusan penilaian dikeluarkan**  
 "Jika diiktiraf, memang risau dengan keadaan sekarang, kami semua sedang menunggu keputusan penilaian oleh pihak berkuasa sama ada flet kami selamat atau tidak untuk didiami.

Hazlin Hayati Ahmad, 46, pula berkata, mereka buntu ke mana akan pergi jika bangunan itu disahkan tidak selamat.

Dalam pada itu, Jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Gombak memberitahu, setakat ini seramai 19 keluarga membatalkan 71 orang penghuni di pusat pemindahan sementara itu.

Katanya, semua mangsa juga akan dipindahkan ke pusat pemindahan baru di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di AU2 Keramat secara beransur-ansur bermula 6 petang semalam.

### KPKT, Selangor bincang status

**Putrajaya:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan berbincang dengan kerajaan Selangor mengenai status bangunan empat tingkat Blok F di Flet Taman Keramat Permai di Ampang Jaya, sama ada boleh dibah pulih atau dibina semula.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata di bawah Dasar Perumahan Negara, terdapat perkara di mana kerajaan boleh membangunkan semula flet lama berusia lebih 30 tahun demi keselamatan serta kesesuaian penghuninya.

**Baik pulih atau bina semula**  
 "Flet Keramat Permai terletak di bawah (bidang kuasa) kerajaan Selangor, namun kita akan berhubung dengan kerajaan negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk melihat bagaimana kita (KPKT) boleh bantu.

"Flet itu (Keramat Permai) sudah lama, kita harus selidik dan semak balik (di bawah Dasar Pembangunan Negara) dan akan berbincang dengan kerajaan negeri sama ada menjalankan baik pulih atau bina semula," katanya selepas menyempurnakan penutup Konvensyen Perumahan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru di sini, semalam.

### Mangsa dibenar masuk, ambil barang

**Shah Alam:** Penghuni Blok F, Flet Taman Keramat Permai yang retak sejak Jumaat lalu, hanya dibenarkan masuk mengambil barang dan tidak boleh tidur di kediaman masing-masing.

Ketua Pengurusan Bencana Selangor, Ahmad Fairuz Mohd Yusof, berkata ketika ini semua 222 penghuni daripada 37 keluarga yang terlibat sudah berpindah keluar dan ditempatkan di pusat pemindahan sementara.

Ditanya sama ada pemeriksaan akan dilakukan terhadap 11 blok lain di Taman Keramat Permai, Ahmad Fairuz berkata, perkara itu akan dilakukan selepas selesai isi di Blok F.

Sementara itu, penghuni blok F flet itu yang terpaksa keluar dari rumah berdepan sedikit kesulitan dalam menguruskan persekolahan anak hari ini kerana masih perlu tinggal di pusat pemindahan sementara.

Nasri Abd Raif, 49, berkata segala kelengkapan sekolah ada di rumah selain kemudahan ter-





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 APRIL 2019 (ISNIN)</b>	
Akhbar	News Strait Times
Tajuk Berita	-Bleak Raya' For Dwellers -Ministry May Rebuild Flats
Muka Surat	2 & 3

**TAMAN KERAMAT PERMAI FLATS** **REBUILDING MALAYSIA**  
*NFT 29/4/2019 ms: 2*

## 'BLEAK RAYA FOR FLAT DWELLERS'

They will wait for safety report before exploring options

NURADZIMMAH DAIM  
 AMPANG JAYA  
 news@nstp.com.my

**S**TILL adjusting to their new living arrangements, residents who have been evacuated after the discovery of numerous cracks at their units in Block F of Taman Keramat Permai flats are taking the wait-and-see approach on suggestions to rebuild the flats.

The incident on Friday, which forced occupants of the 30-year-old five-storey block to evacuate, served as a reminder of the need for upgrading works based on the condition of many residential buildings, some of which are in a sorry state.

But while the government is mulling the "rebuild or repair" idea, most of the affected unit owners and their tenants, who were forced to leave their homes due to the worsening cracks, were more focused on getting by.

Kindergarten teacher Mariani Che Mud, 45, who had lived at the flats for 27 years, said she would wait for the safety report by the authorities and find out the necessary arrangements should the government decide to rebuild the flats.

"As everything is still up in the air, we'd rather wait for details before looking at our options.

"We have been complaining to our residents' representatives about the cracks for a while, but nothing was done," she told the *New Straits Times* as she climbed up to her unit located on the second floor to collect clothes and other items.

She said her mother bought the unit for RM25,000.

Mariani said for now, she would stay with other affected residents at the temporary shelter set up by the authorities.

Housewife Shabnam Shaheen, 37, said she noticed the cracks at her unit had worsened two months ago.

"The cracks grew even bigger two months ago and got worse on Friday. Fearing for our safety, we called *bomba* (the Fire and Res-



Cracks at numerous places in Block F of Taman Keramat Permai flats in Ampang Jaya, Selangor. PIC BY NURADZIMMAH DAIM

She said she had been renting the unit for five months.

"When we moved in, the condition of the unit was so bad that my husband and I had to spend more than RM5,000 to repair the cracks and leaks on the walls.

"I hope the government will look at providing assistance for us to look for a place nearby, if it is decided that the building is to be rebuilt."

She said it would be a bleak Hari Raya for the family as they were not sure if they could return home soon due to the severity of the damage.

"We are also concerned about the items and furniture we have to leave behind. As for now, we will have to make do with what we have. Some of the tenants of the building are Indonesians and I don't know where they can go now. I don't see them anywhere," said the mother of three.

Gombak chief assistant district officer Hazlim Hapaz, who is also a representative in the Selangor disaster management unit, said more than 100 residents had been affected by the evacuation.

"However, only 19 families, or 70 occupants, had moved to the temporary shelter at SMK Taman Keramat, while the others opted to look for accommodation on their own.

(yesterday) as the school will be in session tomorrow (today)."

He said Selangor State Development Corporation (PKNS) had appointed Malaysian Public Works Institute (Ikram) to inspect the building and the results were expected to be revealed tomorrow.

"We will then discuss our next course of action," he said.

Several Ikram staff members were seen at the site carrying out surveys under the watchful eye of policemen.

Debris from the damaged walls was scattered on the floor, while huge cracks could be seen at different parts of the structure. Due to safety reasons, journalists were not allowed to go beyond the ground floor of the block.

It is learnt that residents were only allowed to enter their units to collect their belongings and they had to leave immediately afterwards.

Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said the ministry would hold discussions with the Selangor government to determine whether Block F of the Keramat Permai flats could be repaired or needed to be rebuilt.

She said under the National Housing Policy, the government was empowered to rebuild flats





**SAFETY**

# MINISTRY MAY REBUILD FLATS

NSF 29/4/2019 MS 3

It will discuss with Selangor govt, says Zuraida

WAN FAIZAL ISMAYATIM  
PUTRAJAYA  
news@nstp.com.my

**T**HE Housing and Local Government Ministry will hold discussions with the Selangor government to determine if Block F of Taman Keramat Permai flats in Ampang Jaya can be repaired or needed to be rebuilt.

Its minister, Zuraida Kamaruddin, said under the National Housing Policy, the government was empowered to rebuild flats which were older than 30 years to ensure the safety and comfort of residents.

"The flats fall under the (purview of) the Selangor government, but



The PKNS flats in Section 24, Shah Alam. PIX BY FAIZ ANUAR

we (the ministry) will contact them and the Selangor State Development Corporation (PKNS) to see what we can do to help.

"These flats are old... we should research (the issue) and have another look (at the National Housing Policy), then discuss with the

state governments whether the best thing to do is repair or rebuild," she said after closing the New Village Management Committee Convention.

Zuraida said the ministry would dispatch the Fire and Rescue Department to check on oth-

er old residential buildings that had been identified as being "at risk" for the safety of residents.

It was reported that the 222 residents in Block F of Taman Keramat Permai flats had to be evacuated on Friday after the appearance of massive cracks on the

walls of the four-storey building. It was reported that the building had begun leaning to one side following the appearance of the cracks.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, who visited the flats on Friday, had said from what he could see, the building was indeed leaning slightly to one side.

The cracks were said to have appeared following heavy rain and the residents were asked to evacuate for their own safety and to allow checks and tests to be conducted on the structure and foundation of the building, as well as the ground.

Preliminary checks by experts from PKNS, the Ampang Jaya Municipal Council and Public Works Department showed that the ground was actively moving and needed more detailed tests.

Page 1 pic: A decrepit PKNS flat in Section 24, Shah Alam.

## Selangor drafting guidelines on rebuilding old buildings

**KUALA LUMPUR:** The Selangor government will introduce a guideline on rebuilding landed and multi-level properties in the state deemed old and not conducive for residents soon.

Selangor Housing and Urban Living Committee chairman Haniza Mohd Talha said the guideline was expected to be introduced within the "next few months".

"The state government is in the process of preparing the guideline," she told the *New Straits Times*.

Haniza was asked to comment on the statement by Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin that the ministry would engage state governments to identify flats that were more than 30 years old, which needed to be repaired or rebuilt.

Responding to the plight of more than 200 people, who were evacuated after massive cracks appeared at Block F of the Taman Keramat Permai flats on Friday, Zuraida said the government was empowered under the National Housing Policy to rebuild flats that were older than 30 years.

In response, Haniza said the state government welcomed the assistance offered by the ministry to repair and rebuild dilapidated flats in the state.

"The state government has a list and is monitoring the con-



Cracks on the ground (left) and a damaged roof (right) at the PKNS flats in Section 24, Shah Alam.



dition of low- and medium-cost flats that are 30 years or older."

Haniza, however, could not furnish details on the number of flats in the state that were on the list. Since 2009, she said, the state government had set aside allocations to repair flats.

"Every year, the state government receives applications to conduct repair work involving roofs, lifts and sewerage. The state government also provides allocations for repainting works for low- and medium-cost flats."

The National Housing Buyers Association is urging the government to identify and conduct remedial works on old and dilap-

idated multi-level properties in the country. Its honorary-secretary Datuk Chang Kim Loong said the incident involving Block F of Taman Keramat Permai flats in Ampang Jaya warranted a renewed call to action in housing issues in the country.

He was puzzled as to why such problems had occurred when there had already been a policy in place to empower the Housing and Local Government Ministry to repair or rebuild flats that were 30 years and above.

Chang questioned if such authority, as provided in the policy, had previously been invoked by the ministry.

"Has such power (as stated in the policy) been invoked before and why is the ministry contemplating to do so now?"

Chang asked the ministry to explain the circumstances that warranted the government to rebuild the flats.

"Are these flats certified 'condemned' by the (respective) local councils (in the state) or are they merely in dire need of repairs and replacement? Are they in danger in regard to safety and security? Can these flats be rectified in lieu of demolition?"

It was reported that 222 residents of Block F of the Taman Keramat Permai flats had to be

evacuated on Friday following massive cracks on the walls of the five-storey building.

The residents were evacuated to SMK Taman Keramat pending checks by the Malaysian Public Works Institute (Ikrām) on the buildings. They were later relocated from the school to Ampang Jaya Municipal Council Hall in AU2 yesterday.

Experts from Selangor State Development Corporation, Ampang Jaya Municipal Council and Public Works Department are conducting checks on the structure of the soil in the area, the results of which will be made known today. **By Adib Povera**





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 APRIL 2019 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	- Mangsa Resah Mohon Masalah Diselesaikan segera - Pndah Lokasi Baru - Penduduk Patuhi Arahan Pindah
Muka Surat	24

24 ISNIN 29 APRIL 2019 • SINAR HARIAN

## ISU PANGSAPURI TAMAN KERAMAT PERMAI RETAK

AHMAD ISMADI ISMAIL & NORAFIZA JAAFAR FOTO: ZAHID IZZANI

### Mangsa resah, mohon masalah diselesaikan segera

29/4/2019 Ms 24

**AMPANG** - Pemilik kedai runcit di Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai di sini merayu pihak berkuasa supaya membenarkannya menjalankan perniagaan seperti biasa.

Mimi Nazira Nasaruddin, 27, memberitahu, polis membenarkan perniagaannya dibuka selama dua jam sahaja namun dia mendakwa penduduk mahu perniagaannya diteruskan.

"Saya merayu minta kebenaran daripada polis kerana ada permintaan penduduk kawasan ini yang minta saya membuka kedai untuk membeli barang," katanya.

Dia ditemui di kedai runcit milik keluarga di tingkat bawah Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai, semalam.

Mimi Nazira memberitahu, di kawasan pangsapuri itu hanya ada satu kedai runcit milik keluarganya.

"Saya turut menjual barangan dengan harga istimewa seperti telur hanya RM9 atau RM10 berbanding harga asal. Barangan lain juga murah kerana kami perlu menghabiskan," katanya.

Dia juga tidak pasti tempoh kedainya akan dibuka semula selepas ini.

Kakak kepada Mimi Nazira, Isma Nasaruddin, 33, berkata dia mempunyai seorang anak autisme berusia tujuh tahun dan kini mereka sekeluarga terpaksa menyewa inap desa.

Justeru, dia berharap ada pihak yang peka ingin menyalurkan bantuan kepada keluarganya.

Sementara itu mangsa, Fadiah Abd Rahman, 41, berharap kerajaan negeri menyediakan penempatan rumah sewa kepada penduduk terjejas sementara kerja-kerja mengenal pasti dinding retak dilakukan di Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai.

"Saya sudah menumpang sehari di rumah adik di Puchong pada hari kejadian sebelum berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat jam 9 petang semalam (kelmarin).

Fadiah turut berharap pihak berkaitan menyediakan rumah sewa jika kerja-kerja pembaikan mangsanya selesai.

"Anak-anak masih kecil dan kita memerlukan ruang yang lebih selesa," katanya.

Seorang lagi penduduk, Azizah Ansat, 60, memilih tinggal di PPS kerana tidak mahu mengganggu dua anaknya yang sudah berkeluarga.

"Saya memilih tinggal di dewas bersama seorang lagi anak bujang yang kurang sihat. Tapi saya ada anak yang tinggal di Blok A kawasan sama," katanya yang akan ke rumah anaknya jika ada keperluan.

Azizah memberitahu akan akur arahan pengurusan bencana kerana tiada pendapatan dan mengharapkan sokongan perbelanjaan daripada anak-anak.



MIMI NAZIRA ISMA



Mangsa ditempatkan di dalam khemah copangang bersebelahan di PPS SMK Taman Keramat, semalam.

## Pindah lokasi baharu

**Dewan Serbaguna AU2 lebih selesa untuk penghuni**

**AMPANG**

Seramai 71 penghuni Pangsapuri Keramat Permai yang retak kelmarin dipindahkan ke pusat pemindahan baharu di Dewan Serbaguna AU2, di sini, petang semalam.

Pengerusi Unit Bencana Daerah Gombak, Amirul Azizan Abd Rahim, kesemua mangsa sudah dimaklumkan supaya berpindah ke dewan itu pada jam 6 petang.

Sebelum ini, kesemua pemilik kediaman terabit ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Keramat.

"Sees persekolahan sudah bermula. Jadi mereka perlu berpindah ke lokasi lain. Dewan itu juga lebih besar dan selesa," katanya.



AMIRUL AZIZAN

kepada Sinar Harian.

Menurutnya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya menyediakan pengangkutan bagi memudahkan mereka bergerak ke ke pusat pemindahan baharu.

"Makan malam untuk mangsa pula dihantar oleh agensi berkenaan ke Dewan AU2," katanya.

Amirul Azizan turut memaklumkan keputusan penuh laporan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) berkaitan insiden akan diperolehi dalam tempoh terdekat.

"Kita akan putuskan tindakan lanjut selepas menerima laporan penuh itu," katanya.

Seramai 222 penghuni yang menetap di 40 unit rumah Blok F Pangsapuri Taman Keramat Permai terpaksa dipindahkan bermula kelmarin.

Isa susulan keretakan yang di kesan pada struktur pangsapuri yang kini dilaporkan semakin teruk.

Keretakan terutama di beberapa bahagian dinding serta lantai selain membabitkan laluan koridor pangsapuri jelas kelihatan dari luar dan dalam kediaman penghuni.

**info**

MPAJ menyediakan pengangkutan untuk berpindah dan penghantaran makanan

### Kawalan keselamatan di kawasan pangsapuri retak

**AMPANG** - Polis kini mengadakan kawalan keselamatan di Pangsapuri Taman Keramat Permai di sini, bagi memastikan tiada sebarang jenayah berlaku di kawasan itu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang, Superintendan Zaid Hassan berkata, kawalan keselamatan itu akan memastikan tiada kehilangan harta benda di semua kediaman terabit.

Menurutnya, polis turut membuka pos kawalan di hadapan pangsapuri terabit sehingga perkara itu selesai.

**Penduduk yang ingin masuk ke dalam kediaman mereka perlu melaporan terlebih dahulu di pos kawalan.**" - Zaid

"Penduduk yang ingin masuk ke dalam kediaman mereka perlu melaporan terlebih dahulu di pos kawalan bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku," katanya.



Anggota polis sedang menuliskan maklumat di papan kenyataan di Pangsapuri Taman Keramat Permai.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 APRIL 2019 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	- Harap dapat sambut Ramadhan di rumah - Baik Pulih, Bina Semula Flat Lama
Muka Surat	15

## Harap dapat sambut Ramadhan di rumah

**KUALA LUMPUR** - Penduduk Blok F Pangsapuri AUI, Taman Keramat Permai di sini berharap masalah keretakan yang berlaku di kediaman mereka dapat diatai segera seterusnya membolehkan menyambut kedatangan awal Ramadhan minggu depan di rumah masing-masing.

Bagi seorang penduduk, Hazlin Hayati Ahmad, 46, berkata, pihak berwajib perlu mengambil pendekatan segera dalam menyelesaikan masalah tersebut memandangkan umat Islam bakal menyambut Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri dalam masa sebulan lagi.

"Kami diberitahu kemungkinan akan berada di pusat penempatan ini dalam tempoh seminggu lagi, jika semuanya sudah pulih, saya sangat berharap dapat menyambut kedatangan Ramadhan bersama keluarga di rumah," katanya ketika ditemui di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Taman Keramat semalam. Seorang lagi penduduk, Khawari Manaf, 53, memberitahu, pihak berwajib perlu mengeluarkan surat rasmi kepada penduduk dengan menjelaskan secara terperinci keadaan terkini blok kediaman itu selepas pemeriksaan lanjut dibuat.

"Dengan adanya surat rasmi itu, ia sedikit sebanyak melegakan kami sekiranya dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kelak. Secara jujur, apa yang berlaku sekarang ini turut memberi kesan psikologi kepada saya sekeluarga," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Hassan Yusof menjelaskan, pihaknya tidak dapat menentukan jangka masa operasi di pusat penempatan sementara berikutan perlu menerima hasil kajian terlebih dahulu daripada pihak terlibat.

"Buat masa ini, kesemua mangsa



**KHAWARI HAZLIN HAYATI HASSAN**

akan dipindahkan ke Dewan Serbaguna MPAJ hari ini (semalam) kerana tidak mahu mengganggu proses pembelajaran di sekolah tersebut," ujarnya. Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* di Blok F berkenaan mendapati semua penduduk sudah mengosongkan rumah masing-masing dan kawasan itu turut dikawal oleh anggota polis dan penduduk setempat.

Seramai 222 penduduk diarahkan berpindah selepas penemuan beberapa kesan keretakan pada struktur bangunan berkenaan.



SERAMAI 222 penghuni Blok F, Pangsapuri AUI telah meninggalkan kediaman mereka selepas dikesan mengalami keretakan serius sejak Jumaat lalu.

Bincang dengan kerajaan negeri kedudukan kediaman berusia lebih 30 tahun

## Baik pulih, bina semula flat lama

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan berbincang dengan kerajaan negeri sama ada untuk membaik pulih atau membina semula rumah flat yang berusia lebih 30 tahun.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin (gambar) berkata, pihak kementerian akan menyelidik dan menyemak terlebih dahulu keperluan untuk menjalankan kerja-kerja tersebut di kawasan rumah flat.

"Dalam polisi perumahan negara, ada satu polisi untuk membangunkan semula rumah flat yang berusia lebih 30 tahun.

"Jadi, kita akan selidik dan semak, sekiranya ada keperluan, kita akan bincang dengan kerajaan negeri sama ada untuk baik pulih atau membina semula rumah flat berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis penutup Konvensyen Pemerikasaan Ma-

*Kosmo 29/4/2019 no: 15*

jlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

Zuraida diminta mengulas mengenai perkara itu selepas seramai 222 penghuni bangunan empat tingkat Blok F, Flat Taman Keramat Permai, Ampang Jaya dipindahkan ke pusat pemindahan sementara susulan penemuan keretakan di bangunan itu sejak Jumaat lalu.

Kesemua penghuni daripada 37 keluarga itu dipindahkan ke Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya sebagai langkah keselamatan.

Sementara itu, menurut Zuraida, kementerian akan memantau dan melihat kesiad atau cadangan untuk membantu mangsa yang terlibat.

"Flat berkenaan merupakan projek di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan kerajaan negeri bertanggungjawab terhadap perumahan tersebut," jelasnya.



## FAMA jamin bekalan ayam, kelapa mencukupi

**SEBERANG PERAI** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bahawa bekalan bahan mentah akan sentiasa mencukupi sepanjang Ramadhan nanti.

Pengerusinya, Isahak Ismail berkata, tinjauan pihaknya mendapati bekalan terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan pada bulan itu.

"Apabila Ramadhan tiba, dua barangan yang akan meningkat berkali ganda permintaannya ialah ayam dan kelapa, namun bekalanannya dijangka mencukupi. "Kita juga telah bawa kelapa dari Sa-

bah iaitu Pulau Papabak sebanyak 90 tan sebulan sejak tahun lalu lagi bagi tambah bekalan," katanya kepada pemberita semalam.

Beliau berkata demikian selepas Melakukan Lawatan Kerja dan Penyampaian Geran Insentif Karavan Tani Sempena Penang FAMA Fest 2019 di Seberang Jaya di sini.

Dalam pada itu, Isahak berkata, isu kekurangan cili yang dihadapi sebelum ini telah berjaya diselesaikan apabila pengeluarannya kembali mencukupi.

"Masalah bekalan telur ayam juga sudah kembali pulih," ujarnya.

### NOTIS PENUTUPAN CAWANGAN-CAWANGAN SME BANK

Kami ingin memaklumkan bahawa operasi di cawangan-cawangan SME Bank berikut akan ditamatkan berkuat kuasa pada 1 Mei 2019 dan tarikh akhir operasi adalah pada 30 April 2019. Operasi perbankan dan perkhidmatan bagi cawangan-cawangan yang terlibat akan dipindahkan ke cawangan-cawangan yang telah dikenal pasti seperti di bawah. Sila maklum bahawa nombor akaun para pelanggan yang terlibat tidak berubah dan perkhidmatan kami akan berjalan seperti biasa.

Penutupan Cawangan SME Bank	Pusat Enterpris Baru
Pusat Enterpris Sentral Kuala Lumpur	Pusat Enterpris Kuala Lumpur 2 Aras 12, Menara SME Bank, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Pusat Enterpris Kangar Perlis	Pusat Enterpris Alor Setar No 87 & 88, Kompleks Perniagaan Sultan Abdul Hamid, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah
Pusat Perniagaan Rawang Selangor	Pusat Enterpris Shah Alam Lot 23 & 24, Vista Alam Jalan Ikhtisas, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03 2603 7700 atau layari laman web kami di [www.smebank.com.my](http://www.smebank.com.my)

Dapatkan pakej pembiayaan perniagaan terbaik daripada kami untuk membangunkan perniagaan anda.

**MySMEBank**  
 Mudah. Pasti. Ini adalah masa untuk memulakan perniagaan anda dengan MySMEBank.

Muat Turun Aplikasi Mudah Aisi Kami  
 App Store | Google Play

Facebook: smebank | Twitter: sme\_bank | Instagram: smebank\_malaysia





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 APRIL 2019 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Baik pulih atau bina semula flat lebih 30 tahun
Muka Surat	1 & 2

BIL 101 TAHUN KE-55 ■ PP362/12/2012 (031409) ■ RM1.50 (SEMENANJUNG/SABAH/SARAWAK)

MINDA RAKYAT

80 1939-2019 PERJALANAN & PENGORBANAN

**UTUSAN MALAYSIA**

ISNIN 29.04.19 23 SYAABAN 1440



**Hari terakhir promosi wajah baharu Utusan Malaysia Edisi Timur meriah »8**

Baik pulih atau bina semula flat lebih 30 tahun

# DUA PILIHAN

» Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bincang dengan semua kerajaan negeri baik pulih atau bina semula rumah flat berusia lebih 30 tahun.

» Dasar Perumahan Negara tetapkan pembangunan semula flat seumpama itu.

» Ia susulan keretakan serius pada struktur rumah flat Taman Keramat Permai, Ampang Jaya sehingga blok dilihat condong.

» Lebih 200 penghuni dipindahkan ke SMK Taman Keramat.

**BERITA DI MUKA 2**



**Gugur perkataan agama dalam kad pengenalan diperhalusi »6**

“ Saya kena pandang perkara ini dengan teliti, sama ada wajar atau tidak wajar. Ada pandangan mengatakan cadangan YB Senator itu (Nga Hock Cheh) bertentangan dengan Perlembagaan, pasal ada melibatkan hak keistimewaan Melayu, iaitu adalah untuk membezakan orang Melayu dan bukan Melayu dan lain-lain.”

**TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN**  
Menteri Dalam Negeri



**Kemalangan ngeri di Tapah, 2 maut »7**



ZURAIKA KAMARUDDIN bersama peserta dalam majlis penutupan Konvensyen Pemeraksanaan MPKK Kampung Baru di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

# Baik pulih, bina semula flat lebih 30 tahun

Oleh HAKIMI ISMAIL  
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 28 APRIL

**K**EMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan berbincang dengan semua kerajaan negeri untuk baik pulih atau bina semula rumah flat yang dibina lebih 30 tahun.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, dalam polisi perumahan negara juga telah dinyatakan mengenai cadangan pembangunan semula flat yang berusia lebih 30 tahun di semua negeri.

“Kita akan bincang dengan kerajaan negeri untuk baik pulih atau bina semula rumah flat lama ini,” katanya kepada pemberita selepas menutup Konvensyen Pemeraksanaan Maj-

lis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai situasi menimpa lebih 200 penghuni Blok F, Flat Taman Keramat Permai di Ampang Jaya, Selangor yang dipindahkan ke pusat pemindahan selepas kediaman mereka retak teruk pada Jumaat lalu.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, Flat Taman Keramat Permai merupakan kediaman di bawah tanggungjawab kerajaan negeri Selangor dan pihaknya akan memantau masalah dialami penghuni berkenaan.

“Flat itu bawah kerajaan negeri dan merupakan projek Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Kementerian akan pantau dan melihat cadangan-cadangan yang boleh ban-

tu mereka.

“Saya juga akan pergi ke flat berkenaan esok untuk melihat situasi sebenar masalah kereetakan itu. Sekiranya ada keperluan, kita akan gerakkan apa-apa bantuan kepada mereka,” katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Ahmad Fairuz Mohd. Yusof dilaporkan berkata, semua penghuni itu dipindahkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat sebagai langkah keselamatan.

“Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah mengesyorkan agar semua penghuni blok berkenaan mengosongkan bangunan dan pihak polis akan menguatkuasakan kawalan keselamatan,” katanya.

UM 29/4/2019 Ms. 2





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 APRIL 2019 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	- KPKT kerajaan negeri bincang - Saya Tiada tempat Lain - Masih dalam Fasa Penilaian
Muka Surat	20 & 21

20 setempat 29-04-2019 HARIAN METRO

### KPKT, kerajaan negeri bincang

**Putrajaya:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan berbincang dengan semua kerajaan negeri bagi membina semula atau membaiki semula flat yang sudah dibangunkan lebih 30 tahun.

menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, menerusi polisi perumahan negara turut diwujudkan mengenal cadangan pembangunan semula flat berusia lebih 30 tahun di semua negeri.

"Justeru, kita akan berbincang dengan kerajaan negeri dalam membaiki, pulih atau membina semula rumah flat yang lama ini," katanya kepada media selepas menutup Konvensyen Penterkasan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai bangunan empat tingkat Blok F, Flat Taman Keramat Permai, Ampang Jaya yang mengalami keretakan pada dinding bangunan berkenaan selepas hujan lebat.

Menurutnya, Flat Taman Keramat Permai adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri Selangor, namun pihaknya akan menanganai masalah berkenaan.

"Flat ini di bawah kerajaan negeri dan ia adalah projek Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). KPKT akan memantau dan melihat bagaimana kita boleh beri cadangan untuk membantu mereka."

"Saya juga akan pergi ke flat itu esok (hari ini) untuk melihat situasi sebenar keretakan itu. Jika ada keperluan, kita akan gerakkan apa-apa bantuan kepada mereka," katanya.

Jumaat lalu, seramai 222 pengundi bangunan empat tingkat Blok F Flat Taman Keramat Permai diarahkan berpindah susulan keretakan pada dinding kediaman mereka.

Berikutan itu, semua penghuni terlibat diteropong sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat sebagai langkah keselamatan.

**KHAWARI menunjukkan kesan retak pada dinding pangsupuri.**

**KESAN keretakan pada bangunan.**

**AMRUDIN (tengah) melihat kesan keretakan pada pangsupuri empat tingkat Blok F Flat Taman Keramat Permai.**



PENDUDUK yang dipindah bereduk di SMK Taman Keramat.

PANGSAPURI TAMAN KERAMAT PERMAI RETAK

# 'SAYA TIADA TEMPAT LAIN'

■ 222 penghuni diarah berpindah runding fikir masa depan

Hu 29/4/2019 MS 21

Mohd Rizal Abdullah  
mohd.rizal@nstp.com

Kuala Lumpur

**S**ekiranya pangsapuri ini disahkan tidak selamat, saya tidak mempunyai tempat lain ingin dituju kerana inilah satu-satunya rumah yang saya miliki," kata Khawari Manaf, 53, penghuni Blok F Flat Taman Keramat Permai. Khawari antara seorang daripada 222 penghuni kediaman itu yang terpaksa diarahkan berpindah akibat keretakan teruk pada pangsapuri berusia 34 tahun itu.

Bapa kepada lima anak itu berkata, disebabkan itu dia dan keluarga

terpaksa menetap di pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat bersama keluarga.

"Saya runding memikirkan tempat yang ingin dituju kerana inilah satu-satunya rumah yang saya miliki sejak 33 tahun lalu sekiranya pangsapuri ini disahkan tidak selamat.

"Untuk menyewa rumah, saya memerlukan tambahan perbelanjaan antara RM600 hingga RM1000 sebulan iaitu jumlah yang tinggi, tambahan tiga anak saya masih di bawah tanggungan," katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam. Luahan sama turut dikongsi penghuni lain, Jamaluddin Ahmad, 48, yang turut runding memikirkan nasibnya dan jiran-jiran mengenai status pangsapuri itu.

"Semua penduduk sebenarnya bersepakat tidak mahu berpindah dan ingin kekal menetap di sini kerana kami akan berdepan pelbagai masalah terutama membabitkan kewangan.

"Sekiranya ada tawaran rumah baru dari pihak berkenaan, ia amat memenangkan hati kami namun diharap rumah itu berada di kawasan yang berhampiran lokasi ini," katanya.

Terdahulu, semua penghuni di pangsapuri itu diarahkan berpindah sejurus pemeriksaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Perbandaran Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Bahagian Struktur Bangunan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jumaat lalu.

Status keselamatan pangsapuri itu dijangka diperolehi dalam tempoh tiga hari lagi.

## 'Masih dalam fasa penilaian, kumpul data'

**Ampang Jaya:** Keretakan pada bangunan Blok F, Pangsapuri Taman Keramat Permai masih dalam fasa penilaian dan pengumpulan data oleh perunding yang dilantik.

Ketua Pengurusan Bencana Selangor, Ahmad Fairuz Mohd Yusof berkata, pihaknya kini sedang mengumpul data berkenaan bagi melihat sama ada wujud keretakan baharu atau tidak.

"Proses berkenaan yang bermula semalam akan dikemas kini setiap dua jam.

"Di pusat pemindahan sementara yang diaktifkan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat pula menunjukkan angka peningkatan dan penurunan berlaku," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, ia disebabkan ada antara penduduk yang tinggal dengan saudara dan rakan di kawasan sekitar.

Ketika ini, seramai 38 penduduk daripada sembilan keluarga yang menghuni flat itu berada di pusat pemindahan sementara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Keramat, manakala baki 184 penghuni lagi dipercayai tinggal di rumah saudara-mara di kawasan berhampiran.

Kelmarin, seramai 222 penghuni bangunan empat

tingkat Blok F di Flat Taman Keramat Permai diarahkan berpindah susulan keretakan di dinding bangunan berkenaan selepas hujan lebat.

MPAJ mengesyorkan semua penghuni blok mengosongkan bangunan dan pihak polis akan menguatkuasakan kawalan keselamatan supaya tiada penduduk berada di blok berkenaan memandangkan keretakan masih aktif.

Pemantauan diteruskan oleh pelbagai agensi termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pangsapuri berkenaan dibina pada 1985 oleh pemaaju PKNS yang menempatkan 37 keluarga membabitkan 222 individu.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor Amirudin Shari dalam lawatannya mengesahkan bangunan berkenaan mengalami keretakan teruk dan dikesan condong ke satu arah.

"Pemerhatian secara mata kasar mendapati bangunan ini condong ke satu arah iaitu di bahagian bucu. Kemungkinan berlaku pergerakan tanah.

"Keretakan di tingkat atas bangunan itu agak besar dan memerlukan perhatian serius," katanya.



PETUGAS Jabatan Kebajikan Masyarakat memeriksa senarai nama mangsa yang ditempatkan di Pusat Pemindahan SMK Taman Keramat.